



فجابه فريندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/21/02/3/01 . (2)
Bertarikh : 31 Mac 2014
Bersamaan: 29 Januari 1435

Semua Ketua Jabatan
Negeri Terengganu

Tuan,

PEMANSUHAN / PEMBATALAN KOD OBJEK 53000

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia, KK/BPKS/10/700-2/1/3 Jld.3 (6) bertarikh 4 Januari 2013.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya Kod Objek 53000 yang digunakan untuk memperakaunkan bayaran imbuhan tahunan dan bantuan khas kewangan kepada kakitangan kontrak wajar diakaunkan di bawah kod objek 29000 mulai tahun kewangan 2013.

3. Oleh yang demikian, semua pembayaran bagi imbuhan tahunan dan bantuan khas kewangan kepada kakitangan kontrak bagi tahun 2014 hendaklah masing-masing menggunakan kod objek 29304 dan 29306 (BKK). Selaras dengan itu, pihak tuan dikehendaki membuat permohonan pindahan peruntukan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu melalui aplikasi sistem e-Kewangan daripada OSOL 53000 kepada 29000.

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Baucer bayaran yang tidak mematuhi arahan ini akan dikuiiri oleh pihak kami.

5. Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)

Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

s.k.

Unit Naziran SPEKS

- Untuk Makluman